

03 NOV 2000

Resolusi (Laporan Khas)

RESOLUSI MENGENAI ANWAR TERSEKAT DI CAPITOL HILL

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 3 Nov (Bernama) -- Satu resolusi mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikemukakan kepada Dewan Perwakilan Amerika Syarikat mungkin tidak mempunyai peluang untuk dibahaskan tahun ini.

Dengan para penggubal dasar bertikam lidah dengan White House berhubung perbelanjaan persekutuan dan akan pulang ke tempat mereka untuk kempen pilihan raya yang berlangsung pada Selasa depan, isu bekas Timbalan Perdana Menteri itu buat masa ini nampaknya tersekat di Capitol Hill.

Harapan bagi resolusi cepat belanjawan persekutuan, yang tertangguh sejak 1 Okt, berakhir apabila anggota-anggota White House dan Republican masih tidak sepakat dengan undang-undang imigresen, keselamatan tempat kerja, potongan cukai dan penjagaan kesihatan bagi warga tua.

Rundingan belanjawan akan disambung semula selepas pilihan raya Selasa depan, sementara perbahasan di Senat ditunda hingga pertengahan November.

Veto Presiden Bill Clinton terhadap rang undang-undang perbendaharaan itu pada Isnin mencetuskan kemarahan anggota-anggota Republican, dengan ada antara mereka menuduh presiden itu sebagai cuba melindungi kerajaan demi manfaat politik. Tindakan yang sama pada 1995 menyebabkan kekalahan Republican dalam pemilihan pada tahun berikutnya.

Sementara, resolusi mengenai Anwar difailkan oleh satu kumpulan dwipartisan yang terdiri daripada tujuh penggubal undang-undang pada lewat minggu lepas, ia perlu melalui proses yang panjang sebelum boleh sampai ke dewan itu untuk dibahaskan.

Dengan Congress dikuasai Republican dan Presidennya pula dari Democrat dan kedua-dua pihak masih tidak mahu memberi laluan berhubung belanjawan, para penggubal undang-undang akan kembali ke Washington selepas pilihan raya dan menyambung semula perbahasan sehingga akhir penggal mereka pada Januari, dan mereka dijangka tidak mempunyai masa untuk resolusi Anwar itu.

Resolusi itu mahukan Anwar dibicarakan semula di bawah prosedur yang adil dan telus atau menggugurkan semua tuduhan terhadapnya.

Ketua Pemuda Parti Keadilan, Ezam Mohd. Noor, memaklumkan kepada sebuah akhbar Singapura yang "Friends Of Anwar" telah mendapatkan khidmat sebuah kumpulan lobi di Washington, Janus Merritt Strategies, untuk membela Anwar, yang dijatuhi hukuman penjara berjumlah 15 tahun kerana tuduhan rasuah dan liwat. Keadilan dilaporkan telah membayar AS\$20,000 kepada firma perhubungan hal ehwal awam itu.

Pada 1998, Senat Amerika menerima satu resolusi yang menyatakan simpati terhadap Anwar di kemuncak krisis politik di Malaysia antara Anwar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Deraf resolusi itu perlu melalui peringkat jawatankuasa kecil, kemudian ke jawatankuasa sebelum ke dewan untuk dibahaskan dan diterima. Satu resolusi tidak mengikat secara undang-undang tetapi hanya menyuarakan sentimen Congress berhubung isu-isu tertentu.

Seorang penganalisa politik di sini berkata, adalah sukar bagi penggubal undang-undang yang "pincang" untuk memberi perhatian kepada resolusi itu kerana mereka perlu menghabiskan banyak agenda dalam waktu yang singkat.

Ada antara pemimpin Republican berharap kemenangan calon presiden George W. Bush pada hari pemilihan akan menempatkan kedudukan mereka di tempat yang lebih baik dalam perbahasan belanjawan bersama presiden yang "pincang".

Bagaimanapun, kuasa tawar menawar pemimpin-pemimpin Republican boleh berakhir jika calon Demokrat Al Gore memenangi pilihan raya itu, atau jika

Democrat merampas penguasaan Dewan Perwakilan atau Senat yang Republican mempunyai majoriti tipis.

Menurut seorang kakitangan Congress, "Akan terdapat realiti baru selepas pilihan raya itu. Semuanya akan berubah. Lebih baik kita tunggu."

-- BERNAMA

SH AHH PR